



**KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA**  
*Director-General of Education Malaysia*  
**ARAS 8, BLOK E8, KOMPLEKS E**  
*Level 8, Block E8, Complex E*  
**PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN**  
*Federal Government Administrative Centre*  
**62604 PUTRAJAYA**

Tel: 03-8884 6077  
Faks: 03-8889 4548  
Laman Web: [www.moe.gov.my](http://www.moe.gov.my)

Ruj. Kami : KPM.100-1/3/1 Jld. 7 (43)  
Tarikh : 07 Mac 2022

**Semua Ketua Bahagian**  
**Semua Pengarah Pendidikan Negeri**

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING IKHTISAS KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**  
**BILANGAN 1 TAHUN 2022**

**GARIS PANDUAN PELANTIKAN DAN PENGURUSAN GURU DATA**  
**DI SEKOLAH KERAJAAN DAN SEKOLAH BANTUAN KERAJAAN**  
**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

#### **TUJUAN**

Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) ini bertujuan untuk memaklumkan berkenaan Garis Panduan Pelantikan dan Pengurusan Guru Data di Sekolah Kerajaan dan Sekolah Bantuan Kerajaan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

#### **LATAR BELAKANG**

2. Guru data dilantik pada peringkat sekolah untuk mengurus dan membekalkan data Modul Pengurusan Sekolah (MPS) dalam aplikasi *Educational Management Information System* (EMIS) kepada pihak KPM. Data yang dibekalkan perlu disah dan diperaku oleh pihak pentadbir sekolah, pejabat pendidikan daerah (PPD) dan jabatan pendidikan negeri (JPN).

3. Perjawatan guru data di sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan KPM telah diperaku oleh Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) dan dimaklumkan kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP)

melalui memo Permohonan Guru Data dalam Anggaran Belanja Mengurus (ABM) 2008, bernombor rujukan KP(PP)0050 Jld.55/(19) bertarikh 15 Ogos 2007.

4. Mulai tahun 2008, satu (1) perjawatan guru data dalam norma telah diperuntukkan bagi semua sekolah seperti yang terkandung dalam kelulusan Penyata Perjawatan Sekolah yang dikeluarkan oleh BPSM.

5. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Maklumat Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 1 Tahun 2021 bertarikh 5 Mac 2021 memutuskan Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 7 Tahun 2018: Pelantikan Guru Data di Sekolah Kerajaan dan Bantuan Kerajaan Kementerian Pendidikan Malaysia bertarikh 16 Julai 2018 berkaitan pelantikan guru data sekolah disemak semula dan dikemas kini berikutan penstrukturan baharu KPM pada tahun 2019.

6. Mesyuarat Profesional Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 40 Tahun 2021 bertarikh 23 November 2021 telah meluluskan penambahbaikan dan pengemaskinian kepada kriteria, syarat pelantikan serta pengurusan guru data selaras dengan perubahan semasa pada peringkat PPD dan JPN ke arah pengurusan guru data yang lebih teratur.

## **PELAKSANAAN**

7. Garis Panduan Pelantikan dan Pengurusan Guru Data di Sekolah Kerajaan dan Sekolah Bantuan Kerajaan Kementerian Pendidikan Malaysia yang disertakan bersama-sama SPI ini mengandungi penjelasan tentang prinsip, proses pelantikan dan pengurusan guru data sebagai rujukan kepada sekolah, PPD dan JPN yang merangkumi:

- 7.1 Prinsip asas pelantikan guru data;
- 7.2 Kriteria pemilihan guru data;
- 7.3 Prosedur pelantikan guru data;
- 7.4 Pengurusan guru data;
- 7.5 Senarai tugas guru data;
- 7.6 Penyelarasan waktu mengajar dan tugas pengurusan data sekolah;

- 7.7 Borang pencalonan guru data; dan
  - 7.8 Carta alir pelantikan dan pengurusan guru data.
8. YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan hendaklah memastikan Garis Panduan Pelantikan dan Pengurusan Guru Data di Sekolah Kerajaan dan Sekolah Bantuan Kerajaan Kementerian Pendidikan Malaysia dirujuk dan dipatuhi.
9. SPI ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan dokumen berikut:
- 9.1 Peranan dan Tanggungjawab Pengurus Sistem Pengurusan Sekolah (SPS) dalam Prosedur Operasi Standard, SPS sedia ada; dan
  - 9.2 Tugas Guru Data bawah tajuk HM17 untuk guru data sekolah menengah dan HM10 untuk guru data sekolah rendah dalam *Malaysian School Governance (MySG)* : Garis Panduan Tadbir Urus Sekolah Menengah dan Sekolah Rendah KPM yang boleh dimuat turun daripada laman sesawang KPM di pautan [www.moe.gov.my](http://www.moe.gov.my).

#### **TARIKH KUAT KUASA**

10. SPI ini **berkuat kuasa serta merta** mulai pada tarikh SPI ini dikeluarkan.

#### **PEMBATALAN**

11. Dengan berkuatkuasanya SPI ini, maka Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 7 Tahun 2018: Pelantikan Guru Data di Sekolah Kerajaan dan Bantuan Kerajaan Kementerian Pendidikan Malaysia bertarikh 16 Julai 2018 adalah **dibatalkan**.

## TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

12. YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan hendaklah mengambil tindakan dengan memaklumkan kandungan SPI ini kepada semua pegawai yang bertanggungjawab di bahagian, JPN, PPD dan sekolah bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan.

Sekian, terima kasih.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(DATUK HAJAH NOR ZAMANI BINTI ABDOL HAMID)**

Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia  
merangkap Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru  
Kementerian Pendidikan Malaysia

- s.k.
1. YB Menteri Kanan Pendidikan  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  2. YB Timbalan Menteri Pendidikan I  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  3. YB Timbalan Menteri Pendidikan II  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  4. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  5. Semua Timbalan Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  6. Semua Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  7. Penasihat Undang-Undang  
Kementerian Pendidikan Malaysia



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**GARIS PANDUAN  
PELANTIKAN DAN PENGURUSAN GURU DATA  
DI SEKOLAH KERAJAAN DAN SEKOLAH BANTUAN  
KERAJAAN  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

## KANDUNGAN

LATAR BELAKANG.....	1
PRINSIP ASAS PELANTIKAN GURU DATA.....	1
KRITERIA PEMILIHAN GURU DATA.....	2
PROSEDUR PELANTIKAN GURU DATA.....	3
PENGURUSAN GURU DATA.....	3
SENARAI TUGAS GURU DATA.....	4
PENYELARASAN WAKTU MENGAJAR DAN PENGURUSAN DATA SEKOLAH.....	5
PENUTUP.....	5
LAMPIRAN 1.....	6
LAMPIRAN 2.....	7

## **LATAR BELAKANG**

1. Guru data merupakan personel utama yang berperanan membekalkan data Modul Pengurusan Sekolah (MPS) melalui aplikasi *Educational Management Information System* (EMIS) kepada KPM.
2. Pelantikan guru data adalah bagi membantu melancarkan perancangan dan pengurusan data yang bermula dari peringkat sekolah, ke pejabat pendidikan daerah (PPD), ke jabatan pendidikan negeri (JPN) hingga ke peringkat pusat (KPM).
3. Satu (1) perjawatan guru data telah diperuntukkan secara dalam norma di semua sekolah seperti yang tercatat dalam kelulusan Penyata Perjawatan Sekolah yang dikeluarkan oleh Bahagian Pengurusan Sumber Manusia mulai tahun 2008.
4. Sehubungan dengan itu, pihak sekolah perlu melantik seorang guru data bagi sekolah masing-masing agar pengisian dan pengemaskinian data sekolah melalui aplikasi EMIS teratur dan lancar.

## **PRINSIP ASAS PELANTIKAN GURU DATA**

5. Prinsip asas yang perlu dipertimbangkan oleh Pengetua/Guru Besar dalam pelantikan guru data adalah seperti berikut:
  - 5.1 Jawatan guru data yang disandang akan gugur jika guru data berpindah ke sekolah lain atau ke sekolah yang telah sedia ada guru data;
  - 5.2 Guru data yang telah dilantik hendaklah menyanggah tugas sebagai guru data untuk sekurang-kurangnya tiga (3) tahun, kecuali atas sebab-sebab perkhidmatan yang tidak dapat dielakkan;
  - 5.3 Sekiranya berlaku kekosongan jawatan guru data sekolah, pengisian jawatan tersebut hendaklah dilaksanakan dalam tempoh 21 hari; dan
  - 5.4 Pengisian jawatan guru data yang dipilih/diganti perlu mengikut kriteria pemilihan guru data seperti pada Para 6.

## KRITERIA PEMILIHAN GURU DATA

6. Kriteria pemilihan yang perlu dipertimbangkan oleh Pengetua/Guru Besar dalam pelantikan guru data adalah seperti berikut:
  - 6.1 Guru data hendaklah guru tetap yang telah dilantik dalam perkhidmatan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP);
  - 6.2 Keutamaan hendaklah diberi kepada guru yang mempunyai kemahiran dan komited terhadap pengurusan data;
  - 6.3 Kelayakan
    - 6.3.1 mempunyai kelayakan akademik dalam teknologi maklumat/ sains komputer/ berkaitan pengurusan maklumat pada peringkat sijil/ diploma/ ijazah; atau
    - 6.3.2 mempunyai sijil berkaitan teknologi maklumat/ sains komputer/ pengurusan maklumat; atau
    - 6.3.3 mempunyai sijil kursus berkaitan pengurusan data dan maklumat yang pernah dilaksanakan oleh KPM dan/ atau agensi Kerajaan yang lain.
  - 6.4 Kreativiti
    - 6.4.1. berpengetahuan tentang penjana data mentah yang ada dan mampu menghasilkan maklumat mengikut keperluan pengguna; dan
    - 6.4.2. mempunyai kebolehan minimum menghasilkan analisis data daripada pelbagai sistem dan aplikasi.
  - 6.5 Sahsiah/ Disiplin/ Sikap
    - 6.5.1 mempunyai kebolehan berkomunikasi dengan baik;
    - 6.5.2 bertanggungjawab, dedikasi, akauntabiliti dan boleh dipercayai;
    - 6.5.3 mempunyai ketahanan emosi dan mental yang tinggi;
    - 6.5.4 berpengetahuan terhadap tahap kerahsiaan data;
    - 6.5.5 telah mengisi dan menandatangani Akta Rahsia Rasmi 1972; dan
    - 6.5.6 tidak pernah dikenakan sebarang tindakan tatatertib.

## **PROSEDUR PELANTIKAN GURU DATA**

7. Prosedur pelantikan guru data dalam garis panduan ini adalah terpakai kepada lantikan guru data baharu sahaja dan guru data sedia ada tidak perlu dilantik semula.
8. Pelantikan guru data baharu hendaklah berdasarkan prosedur seperti yang berikut:
  - 8.1 Sekolah mencalonkan nama guru data dengan mengisi Borang Pencalonan Guru Data (Rujuk Lampiran 1) dan mengemukakan kepada Sektor Perancangan dan Pengurusan PPD, JPN dan disalinkan kepada Sektor Perancangan, PPD;
  - 8.2 Sektor Perancangan dan Pengurusan PPD, JPN mengemukakan nama guru yang dicalonkan sebagai guru data kepada Sektor Sumber Manusia, JPN untuk urusan pelantikan;
  - 8.3 Surat pelantikan guru data kepada pihak sekolah dikeluarkan oleh Sektor Sumber Manusia, JPN dan disalinkan kepada Sektor Perancangan dan Pengurusan PPD, JPN; Sektor Pengurusan Sekolah, JPN untuk pengisian maklumat guru data dalam e-Operasi; Sektor Perancangan, PPD; dan Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, KPM.

## **PENGURUSAN GURU DATA**

9. Pusat Sehati Data di Sektor Perancangan dan Pengurusan PPD, JPN dan Sektor Perancangan, PPD akan bertanggungjawab dari segi profesionalisme guru data.
10. Pusat Sehati Data di Sektor Perancangan dan Pengurusan PPD, JPN dan Sektor Perancangan, PPD bertanggungjawab dari segi pengurusan latihan, bengkel dan kursus kepada guru data.
11. Pusat Sehati Data di Sektor Perancangan dan Pengurusan PPD, JPN dan Sektor Perancangan, PPD juga bertanggungjawab dari segi pemantauan

- prestasi guru data yang dilantik berdasarkan kualiti kutipan data pada peringkat sekolah dan memaklumkan kepada pihak pengurusan sekolah.
12. Sektor Perancangan dan Pengurusan PPD, JPN dan Sektor Perancangan, PPD boleh mencadangkan pertukaran guru data kepada pihak sekolah sekiranya guru data sedia ada tidak mencapai tahap prestasi yang dikehendaki.
  13. Proses pelantikan dan pengurusan guru data boleh dirujuk seperti pada Carta Alir Proses Pelantikan dan Pengurusan Guru Data di Sekolah, Pejabat Pendidikan Daerah dan Jabatan Pendidikan Negeri dalam Lampiran 2.

### **SENARAI TUGAS GURU DATA**

14. Jawatan guru data di sekolah rendah dan menengah diperuntukkan tujuh (7) jam seminggu untuk pengurusan data sekolah berdasarkan fungsi dan tugas seperti berikut:
  - 14.1 melaksanakan pengumpulan, pemprosesan, penyimpanan, pengeluaran, pelaporan, pembekalan dan penyebaran data serta maklumat Modul Pengurusan Sekolah (MPS), mengikut kaedah dan jadual yang ditetapkan;
  - 14.2 merancang pengurusan data dan maklumat pendidikan peringkat sekolah seperti yang diarahkan oleh JPN/PPD dan KPM selaras dengan pelaksanaan Prosedur Operasi Standard (SOP), Sistem Pengurusan Sekolah (SPS);
  - 14.3 sebagai setiausaha kepada Jawatankuasa Pengurusan Maklumat Sekolah (JPMS);
  - 14.4 membantu pengurusan data aplikasi Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (SKPM) *Online*;
  - 14.5 membantu pihak pengurusan sekolah menganalisis data dan maklumat peringkat sekolah;
  - 14.6 memberi khidmat nasihat, kepakaran dan bantuan teknikal kepada guru dan anggota kumpulan pelaksana (AKP) berkenaan pengurusan data dan maklumat dalam Modul Pengurusan Sekolah (MPS) pada peringkat sekolah; dan
  - 14.7 melaksanakan tugas-tugas yang diperuntukkan dalam MyPortfolio Guru Data.

## **PENYELARASAN WAKTU MENGAJAR DAN PENGURUSAN DATA SEKOLAH**

15. Pihak pengurusan sekolah hendaklah memastikan:
  - 15.1 waktu mengajar guru data hendaklah tidak melebihi lapan jam seminggu bagi sekolah rendah dan sekolah menengah; dan
  - 15.2 guru data bertanggungjawab membantu pihak pengurusan sekolah dalam aspek pengurusan data pada peringkat sekolah, PPD, JPN dan KPM. Oleh itu, guru data dikehendaki memperuntukkan tujuh jam seminggu untuk tugas pengurusan data sekolah.

## **PENUTUP**

Pelaksanaan Garis Panduan Pelantikan dan Pengurusan Guru Data ini diharap dapat memastikan urusan pelantikan guru data yang teratur dan tersusun pada peringkat sekolah, PPD dan JPN. PPD dan JPN hendaklah memantau pelaksanaan urusan pelantikan ini di daerah dan negeri masing-masing bagi memastikan pematuhan kepada garis panduan tersebut.

**Lampiran 1: Borang Pencalonan Guru Data**

No. Rujukan:  
Tarikh :

Pengetua/ Guru Besar

.....  
.....

---

Pengarah Pendidikan  
Jabatan Pendidikan Negeri .....  
**(U.p.: Timbalan Pengarah Pendidikan, Sektor Perancangan dan Pengurusan PPD)**

Tuan,

**PENCALONAN GURU DATA**

Sukacita dimaklumkan bahawa pihak sekolah telah mencalonkan Encik/ Puan/ Cik ..... dengan nombor kad pengenalan ..... Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred ..... sebagai guru data sekolah.

2. Untuk makluman pihak tuan, pegawai tersebut merupakan guru data \*pencalonan baharu/ pertukaran guru data.

3. Perhatian dan kerjasama pihak tuan dimohon untuk melantik dan memberikan latihan kepada guru data tersebut.

Sekian, terima kasih.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

(  
Pengetua/Guru Besar )

**\*Potong yang tidak berkenaan**

s.k. Sektor Perancangan, PPD

**Lampiran 2: Carta Alir**

**Carta Alir  
Proses Pelantikan dan Pengurusan Guru Data di Sekolah,  
Pejabat Pendidikan Daerah dan Jabatan Pendidikan Negeri**

